



**KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**Teks Ucapan  
YB Dato' Seri Mahdzir Khalid  
Menteri Pembangunan Luar Bandar**

**Sempena  
Mesyuarat Agung Tiga Tahunan KESATERIA  
Semenanjung Malaysia**

**Tarikh :  
26 September 2022**

**Tempat :  
Dewan Seri Lestari,  
Aras B1, Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Putrajaya**

Assalamualaikum & Salam Keluarga Malaysia

## **SALUTASI**

(Akan Diberikan Pada Hari Program)

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu marilah sama-sama kita merafak rasa syukur ke hadrat Allah SWT atas izin dan inayahNya dapat kita bertemu pada hari ini.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak KESATERIA yang telah menjemput saya bagi merasmikan Mesyuarat Agung Tiga Tahunan KESATERIA Semenanjung Malaysia bagi tahun 2022.
3. Tahniah diucapkan kepada Presiden Tuan Haji Ramlan dan KESATERIA yang bertungkus lumus bagi mengadakan mesyuarat ini.
4. Saya difahamkan bahawa mesyuarat ini sepatutnya diadakan pada tahun lepas tetapi disebabkan pandemik covid-19 maka Persidangan ini diadakan pada tahun ini.

## **PERANAN KESATERIA**

5. Sebagai sebuah Kesatuan Sekerja yang berteraskan kebajikan pekerja, maka memang menjadi tanggungjawab Kesatuan untuk memastikan hak, kebajikan dan keselamatan ahli-ahlinya terbela.
6. Pihak KESATERIA telah beberapa kali berjumpa dengan saya bagi membincangkan tuntutan ahli-ahli KEMAS terutamanya dari segi gred dan kenaikan pangkat serta perjawatan tetap.
7. Ada yang telah kita tunaikan dan ada yang masih dalam peringkat perbincangan.
8. Pintu perundingan sentiasa terbuka dan mana-mana yang boleh ditunaikan, Insha Allah pihak kerajaan akan laksanakan.
9. Pada saya Kesatuan ini telah berjaya memainkan peranan yang sepatutnya bagi menjaga hak dan kebajikan tuan-tuan dan tuan-puan sekalian.

## **TUNTUTAN KESATERIA**

10. Saya telah cuba membantu bagi melaksanakan tuntutan yang dikemukakan oleh KESATERIA.
11. Antaranya untuk ke jawatan tetap yang syaratnya sekarang ini adalah berkhidmat 15 tahun dan keatas, kita telah kurangkan ke 10 tahun tempoh perkhidmatannya, maka apabila ianya dilaksanakan kelak, ramai kakitangan yang akan dapat ke perjawatan tetap.
12. Untuk kenaikan gred juga kita telah sedia pertimbangkan daripada Gred S19 ke S22, Gred S22 ke S26 dan Gred S29 ke S32. Ianya akan merangkumi pelbagai jawatan yang sedia ada.

## **PILIHANRAYA UMUM KE 15**

13. Kita semua telah mengaktifkan mood Pilihanraya bagi menghadapi Pilihanraya Umum ke-15 yang bakal tiba tidak lama lagi.
14. Bercakap tentang tarikh PRU15, saya nasihatkan kepada semua untuk kita serahkan pada Perdana Menteri kerana kuasa pregoratif adalah pada beliau. Justeru saya

mengharapkan agar warga KEMAS tidak mempercayai maklumat tidak pasti yang tular di dalam media sosial kerana berita ini tidak tepat.

15. Sampai masa nanti YAB Perdana Menteri akan mengadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bagi cadangan penetapan PRU15.
16. Saya juga memohon kepada semua warga KEMAS untuk ingat kembali apa yang telah berlaku pada tahun 2018 bila mana kita kalah dalam PRU14, bagaimana orang KEMAS di layan, bagaimana dengan ugutan demi ugutan dan ancaman demi ancaman yang digembar-gemburkan kepada setiap warga KEMAS.
17. Orang KEMAS pada ketika itu dikatakan akan ditamatkan kontrak atau diberhentikan dan kemudian diberi pula dua pilihan sama ada ingin bekerja dengan KEMAS atau berpolitik.
18. Jika perkara berlaku, maka saya tidak dapat berjumpa dengan tuan/puan semua pada hari ini.

Sidang hadirin yang dimuliakan,

19. Peranan kita sekarang ini adalah untuk memastikan kerajaan 22 bulan tu tidak kembali ke PUTRAJAYA.
20. Sebelum ini sejarah telah membuktikan bacaan kajian data pegawai KEMAS tidak pernah meleset, yang terkini adalah masa PRN di Melaka dan Johor, di mana analisis yang dibuat adalah hampir tepat. Jadi saya yakin jentera KEMAS mampu melakukan yang terbaik untuk PRU ke-15 nanti.

## **KERAJAAN KELUARGA MALAYSIA**

21. Kerajaan Keluarga Malaysia dibawah pimpinan YAB Dato' Sri Ismail Sabri setakat ini telah berjaya menguruskan beberapa isu terutama dari segi isu pengguna seperti mengawal harga ayam di pasaran, menstabilkan harga minyak masak dan mengembalikan minyak masak di pasaran.
22. Malah dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, beliau turut menetapkan agar kerajaan mengekalkan harga runcit petrol RON95 dan diesel bagi melindungi pengguna daripada kenaikan harga minyak dunia, meskipun harga pasaran bagi

kedua-dua produk meningkat melebihi paras harga siling yang telah ditetapkan.

23. Jadi diharap warga KEMAS dapat menyampaikan kepada Keluarga Malaysia di komuniti masing-masing inisiatif kerajaan khususnya dalam isu menangani konflik ekonomi yang dialami negara.
24. Saya tahu orang KEMAS sentiasa pro-Aktif dan sensitif dengan isu-isu semasa yang dibangkitkan di dalam masyarakat kerana KEMAS wujud di merata-rata.
25. Melalui maklumat yang diperolehi di peringkat akar umbi, KEMAS diminta melaporkan kepada kerajaan bagi menyelesaikan isu-isu yang dihadapi dengan pantas demi menjaga kebajikan Keluarga Malaysia.
26. Daripada tindakan segera yang dilaksanakan, akan memberikan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan Keluarga Malaysia untuk kekal mentadbir negara.
27. Sama-samalah kita berdoa agar Kerajaan Keluarga Malaysia ini terus kekal memerintah demi memastikan rakyat terus menikmati kehidupan yang harmoni dan kearah kestabilan ekonomi.

## **PENUTUP**

28. Akhir kata sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga KEMAS diatas kerja keras dalam membawa hasrat dan agenda kerajaan kepada masyarakat.
29. Oleh itu bagi memastikan kerajaan sedia ada terus memimpin dan mengembalikan negara untuk berada dalam trek pembangunan setelah dirosakkan oleh pentadbiran kerajaan 22 bulan yang lalu, warga KEMAS diharap menggandakan usaha dan kerja menyampaikan maklumat kepada rakyat.
30. Dengan berakhirnya ucapan itu tadi, saya dengan lafaz BISMILAHIRRAHMANIRRAHIM, saya merasmikan Mesyuarat Agung Tiga Tahunan KESATERIA Semenanjung Malaysia bagi Tahun 2022.
31. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima Kasih.